

# Swasta mahu gaji minimum

u.m 3/6/07 M/S 11

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI  
dan S. ANAND KUMAR  
(WARTAWAN UTUSAN)

**PERDANA** Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 21 Mei lalu telah mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam, berkuat kuasa 1 Julai.

Mengikuti pengumuman itu, kakitangan awam bakal menikmati kenaikan gaji antara 7.5 peratus dan 35 peratus mengikut kumpulan, manakala anggota polis dan tentera pula akan menerima tambahan 20 peratus daripada kenaikan itu.

Kenaikan itu turut membabitkan pen-cen pesara kerajaan dengan kuantum yang sama.

Jika kenaikan gaji kakitangan awam itu merupakan khabar gembira bagi keseluruhan kakitangan awam, tetapi keadaan sebaliknya berlaku pada kakitangan sektor swasta.

Pekerja sektor swasta terutama pekerja kumpulan bawahan masih dibelenggu dengan kesempitan hidup kerana dibayar gaji yang rendah daripada paras mampu hidup.

Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohamed Shafie BP Mamal berkata, 50 peratus daripada keseluruhan pekerja swasta di negara ini merupakan ahli kesatuan sekerja itu dan mereka juga terdiri daripada kumpulan pekerja bawahan seperti pengawal keselamatan, pekerja kilang, tukang cuci dan pekerja ladang.

Gaji pekerja bawahan dalam sektor swasta yang paling rendah direkodkan pada masa ini ialah pengawal keselamatan dengan pendapatan bulanan sebanyak RM600, pekerja kilang (RM300) dan pekerja ladang serta tukang cuci masing-masing RM450.

Himpitan hidup yang semakin mendasak, mendorong mereka membuat kerja sambilan bagi menampung keperluan hidup tetapi ia akhirnya mengundang pelbagai masalah terutama berlaku pengabaian keluarga, penderaan dan anak-anak mereka terjebak dengan gejala sosial kerana hidup dalam kemiskinan serta tidak menerima pendidikan yang sempurna.

Lebih malang lagi, (MTUC) yang mewa-

kili kira-kira lima juta pekerja swasta di negara ini terlebih dahulu memperjuangkan pelaksanaan sistem gaji minimum iaitu sejak 1997 lagi, tetapi masih belum berhasil.

Sehubungan itu, MTUC pada Isnin lalu sekali lagi menggesa kerajaan menimbang kembali secara serius cadangan kongres kesatuan sekerja itu sebelum ini, bagi memperkenalkan skim gaji permulaan atau gaji minimum untuk pekerja sektor swasta.

Berdasarkan rekod Kementerian Sumber Manusia, jumlah keseluruhan pekerja swasta ialah seramai 10.38 juta orang.

Malahan pada Februari lalu, MTUC telah pun membuat gesaan serupa kepada kerajaan bagi menimbang semula cadangan sistem gaji minimum itu, sebelum kerajaan mengumumkan kenaikan gaji dalam sektor awam lagi.

"Kerajaan harus sedar tentang fenomena ini dan satu tindakan drastik perlu dilakukan. Kami khuatir jika perkara ini berlari-tan ia boleh menimbulkan pelbagai masalah terutama gejala sosial.

"Sehubungan itu, MTUC mahu cadangan formula gaji minimum RM900 diberi pertimbangan sewajarnya oleh pihak kerajaan," kata Mohamed Shafie kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

MTUC mencadangkan gaji minimum sebanyak RM900 sebulan pada 1997, selepas mengambil kira kos semasa, gaji minimum yang realistik pada masa itu bagi memastikan kebajikan pekerja swasta terus terbela.

Kadar gaji minimum itu (RM900 sebulan) dianggap munasabah dan mencukupi bagi seseorang pekerja untuk memperoleh keperluan termasuk makanan, pakaian, pengangkutan, tempat tinggal serta pendidikan anak-anak.

**Himpitan hidup yang semakin mendasak, mendorong mereka membuat kerja sambilan bagi menampung keperluan hidup tetapi ia akhirnya mengundang pelbagai masalah terutama berlaku pengabaian keluarga, penderaan dan anak-anak mereka terjebak dengan gejala sosial**

Jika diambil kira faktor semasa pula, kenaikan harga minyak sebanyak 30 sen seliter pada tahun lepas telah membawa kesan kepada kenaikan kos sara hidup.

Kerajaan menolak permintaan MTUC bagi majikan sektor swasta melaksanakan sistem gaji minimum pada waktu itu (1997) kerana sistem gaji permulaan untuk sektor swasta boleh memberi kesan kepada dasar perindustrian dan penswastan yang sedang giat dilaksanakan di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Majikan pula pada waktu itu menikmati keuntungan kerana menanggung kos operasi yang rendah kerana menggunakan tenaga buruh asing yang dibayar gaji yang rendah.

Oleh kerana itu, majikan turut menentang pelaksanaan sistem gaji minimum untuk sektor swasta kerana ia akan menyebabkan majikan terpaksa menanggung kos yang tinggi dari segi pembayaran gaji pekerja.

Akibat dasar itu, berlakulah kebanjiran pekerja asing di negara ini yang kemudian membawa masalah kepada negara dari segi kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan meningkatnya gejala sosial dan jenayah yang melibatkan mereka.

Kerajaan menyedari masalah itu, terutama apabila jumlah pengangguran di kalangan siswazah semakin meningkat tahun demi tahun.

Ini dapat dilihat apabila Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar baru-baru ini menyarankan supaya lebih 578,000 majikan swasta di negara ini menimbang kenaikan gaji terutama bagi kakitangan peringkat bawahan selaras dengan langkah kerajaan menaikkan gaji kakitangan dalam sektor awam baru-baru ini.

Menurut Abdul Rahman, saranan itu bertujuan mengurangkan jurang perbezaan gaji pekerja sektor awam dan swasta.

Saranan Abdul Rahman itu sangat rasional dan ia boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di Bursa Malaysia memulakan langkah memperkenalkan sistem gaji minimum untuk pekerja mereka.

Langkah itu wajar kerana syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia terdiri daripada syarikat yang kukuh dan mempunyai kemampuan dari segi kewangan.

Berbalik kepada sistem gaji permulaan atau gaji minimum untuk sektor swasta, keperluannya pada masa ini jika tidak dikatakan mendasak ia kini dianggap sangat perlu.

Mohamed Shafie berkata, langkah itu bukan sahaja dapat mengatasi masalah pengangguran di kalangan rakyat terutama graduan, tetapi juga kebanjiran pekerja asing dan PATI.

Beliau sebelum ini menyatakan bahawa MTUC bersedia membincangkan semula perkara itu melalui Majlis Penasihat Buruh, yang dianggotai oleh wakil MTUC, kerajaan dan majikan.

Beliau berkata, kini sudah sampai masanya kerajaan menimbang semula cadangan melaksanakan skim gaji permulaan untuk sektor swasta berikutan kenaikan kos sara hidup antara 20 peratus dan 35 peratus ekoran kenaikan harga minyak.

Sehubungan itu, beliau berpendapat kadar gaji minimum yang disyorkan pada 1997 itu juga perlu disemak semula daripada RM900 sebulan kepada RM1,200 sebulan berikutan kenaikan kos sara hidup.

"Pelaksanaan gaji permulaan itu juga dapat membantu meningkatkan produktiviti pekerjaan, sekali gus membawa keuntungan kepada syarikat.

"Langkah itu juga dapat menarik graduan menyertai sektor pekerjaan terutama sektor yang kurang diminati dan sekali gus mengatasi kebanjiran pekerja asing dan PATI.

"Pada masa ini banyak graduan lebih rela menganggur kerana mereka tidak dibayar gaji yang berpatutan," katanya. -